

PENYEDIAAN DAN PEMBUATAN MAKANAN


C05- RICE AND FARINACEOUS

BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul

1. Antara yang berikut yang manakah pasangan yang betul mengenai bijirin?

- A Bijirin – tepung gandum, beras
- B Bijirin – oat, barli
- C Bijirin – tepung beras, tepung pulut
- D Bijirin – jagung, tepung jagung



2. Berdasarkan rajah di atas, nyatakan bahagian bijirin yang bertanda Z?

- A Bran
- B Sekam
- C Beras putih
- D Germ

3. Antara berikut, yang manakah contoh jenis *legumes*?

- | | |
|-------------------|-----------------|
| I kacang dhal | II kacang hijau |
| III kacang buncis | IV kacang tanah |

- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan III | D II dan IV |

4. Antara berikut yang manakah peralatan dan perkakasan dalam memasak laksa asam?

- | | |
|--|----------------------------------|
| A. Sudip, kualiti | C. Papan canai, <i>saute pan</i> |
| B. <i>Stock pot</i> , pengisar makanan | D. Penorak, <i>sauce pan</i> |

5. Antara berikut manakah cara pengendalian yang betul ketika memasak pasta

- A. Masukkan pasta kering di air dan rebus sehingga masak.
- B. Rendam semalaman pasta, setelah lembut toskan dan hidang bersama sos.
- C. Rendam sebentar pasta sehingga lembut kemudian rebus di dalam air mendidih.
- D. Didihkan air, masukkan sedikit garam, minyak kemudian pasta, rebus sehingga masak.

6. Di antara yang berikut yang manakah bahan makanan yang terpenting kepada penduduk dunia?

- I Sayur berdaun hijau
- II Beras
- III Daging
- IV Gandum

- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan IV |
| B I dan III | D III dan IV |

7. Berikut adalah aspek pemilihan beras yang baik, kecuali

- A Bersih
- B Tidak mengandungi ulat beras
- C Lembab
- D Tidak hancur

8. Gandum terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu

- I germa
- II bran
- III kulit luar
- IV endosperma

A I, II, III
B I, II, IV

C I, III, IV
D II, III, IV

9. Pasta berasal dari perkataan itali iaitu "*paste*" yang bermaksud?

- A. Campuran tepung gandum dan air atau telur
- B. Campuran mentega dengan tepung gandum serta air
- C. Campuran telur dan marjerin
- D. Campuran tepung gandum dengan gula dan air

10. Berikut adalah contoh pasta kering kecuali.....

- A. *Riccioli*
- B. *Fusilli*
- C. *Paglia e Fieno*
- D. *Cannelloni*

-----SOALAN TAMAT-----